

## **Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari**

---

**From:** Hal Ehwal Pelajar  
**Sent:** Tuesday, January 5, 2016 8:58 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD  
**Subject:** HEP ONLINE: STUDENT MOBILITY AND HUMANITARIAN MISSION - PHILLIPINES



**“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”**  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**5 JANUARI 2016, SELASA | 24 RABIULAWAL 1437H**



**DPP TRADEWINDS:** Program ini merupakan aktiviti teras DPP Tradewinds yang diusahakan oleh Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dibawah pimpinan Cik Hasnah Lidasan. Program ini diiringi

Pengetua DPP Tradewinds, En Amdan Mohamed, Cik Nurul Hazany Halim (Pengerusi), dan En Pridhivraj Naidu (Timb. Pengerusi).

Tujuan utama aktiviti ini ialah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar tentang suasana budaya negara lain, meninjau keadaan universiti dan sistem pendidikan luar negara, menyampaikan bantuan kemanusiaan di kawasan yang telah dikenalpasti serta memperkenalkan dan mempromosi Universiti Utara Malaysia kepada masyarakat luar negara.

Lawatan bermula dengan majlis bersama Barisan Exco NCMF (National Commission of Muslim Filipinos) dan kemudiannya kunjungan hormat ke pejabat YB Sitti Djalila A. Turabin-Hataman. Beliau merupakan ahli congress yang mewakili parti AMIN (Anak Mindanao). Hasil pertemuan ini peserta diberikan penerangan dan mandat untuk ke aktiviti seterusnya di Cotabato Utara.

Seterusnya lawatan dilanjutkan ke University of Philippines-Diliman iaitu sebuah universiti awam yang terbesar di Filipina. Majlis dimulai dengan taklimat daripada pengawai perhubungan antarabangsa dan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik, Dr Benito M. Pacheco. Di sini peserta diberi peluang untuk melawat beberapa kolej akademik dan kolej penginapan antarabangsa.

Misi terakhir aktiviti ini diteruskan ke Cotabato City yang terletak di Pulau Mindanao untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan. Aktiviti bermula dengan mengunjungi pejabat Gavenor dan ke kawasan yang disasarkan. Bantuan berbentuk peralatan sekolah dan cenderahati daripada Universiti Utara Malaysia disampaikan kepada pelajar Sekolah Rendah Sapakan di daerah Cotabato.

Sepanjang program ini berlangsung, peserta di taja dan di pantau sepenuhnya oleh kakitangan ARMM (Autonomous Region of Muslim Mindanao) yang bernaung di bawah pejabat Gavenor.

Aktiviti terakhir ialah lawatan ke Notre Dame University di Cotabato City. Di sini peserta mengambil peluang untuk berjumpa pengkerusinya, Fr. Charlie M. Inzon dan mempromosikan program ijazah lanjutan di UUM.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4031

Faks: 04 – 928 4016

Web: [www.hep.uum.edu.my](http://www.hep.uum.edu.my)

Emel: [hep@uum.edu.my](mailto:hep@uum.edu.my)

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

